



## **TEKS UCAPAN**

**YANG BERHORMAT TUAN ADLY BIN ZAHARI  
TIMBALAN MENTERI PERTAHANAN**

**PROGRAM JUALAN RAHMAH AGRO MADANI PERINGKAT 1  
BRIGED**

**10 MAC 2024 (AHAD)**

بسم الله الرحمن الرحيم

Alhamdulillahi Rabbil 'Alamin Wassolatu Wassala Mu'ala Asyrafilambiya  
Iwalmursalin, Wa'ala Alihi Wasohbihi Ajmain. Robbinsy Rohli Sodri Wayasirli Amri,  
Wahlul Uqdatamillisani Yafqohu Qauli.

سلام عليكم ورحمة الله وبركاته

dan Salam Sejahtera

Yang Berbahagia Brigadier Jeneral Dato' Mohamad Noorlizam bin Shamsuddin  
Panglima Briged Pertama Infantri Malaysia

Yang Dihormati Dato' Dr. Mohd Nizar Bin Haji Sudin  
Ketua Eksekutif, Yayasan LTAT

Yang Dihormati Dato' Eric Yong Chong Long

Yang Dihormati Dato Koh Sai Ka

Yang Dihormati En. Muhammad Zahir Bin Mazlan  
Pengarah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Kos Sara Hidup Negeri  
Sembilan

Pegawai-pegawai Memerintah, Pemerintah, Tuan-Tuan, Puan-Puan, saudara saudari  
yang saya hormati sekalian.

1. Segala pujian dipanjangkan ke hadrat Allah Subhanahu Wataala kerana dengan limpah rahmat-Nya, dapat kita berkumpul bersama-sama pada pagi ini, di **Program Jualan Rahmah Agro Madani** di Hangar Batalion Ke-24 Rejimen Askar Melayu Diraja, Kem Rasah, Seremban.
2. Terlebih dahulu, saya ingin mengambil peluang ini untuk merakamkan setinggi-tinggi penghargaan atas kesudian Yang Berbahagia Panglima Briged Pertama Infantri menjemput saya dan rombongan untuk bersama-sama Tuan-Tuan dan Puan-Puan semua, buat julung kalinya ke Kem Rasah.
3. Saya dimaklumkan kehadiran pada pagi ini melibatkan semua warga 1 Briged dan keluarga yang berada di sekitar Seremban, Senawang dan Port Dickson. Selain daripada itu, anggota Sukarela daripada Rejimen 508 Askar Wataniah turut serta pada hari ini. Syabas saya ucapan di atas komitmen Tuan-Tuan dan Puan-Puan dalam menjayakan program ini.

Yang Berbahagia Dato-dato dan hadirin sekalian

4. Jualan Rahmah ini adalah salah satu inisiatif Payung Rahmah yang telah diperkenalkan pada awal bulan Januari 2023. Alhamdulillah di bawah pentadbiran Kerajaan Madani, dengan sokongan serta kerjasama semua pihak, gerak kerja telah dilaksanakan sehingga ke hari ini bagi merealisasikan objektif program iaitu memberi bantuan keperluan asas kepada golongan sasar.
5. Pada pagi ini, kita dapat menyaksikan kerjasama strategik di antara 1 Briged khasnya, bersama-sama dengan agensi seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup (KPDN), pihak Mydin serta hampir 12 peserta. Kolaborasi ini tidak lain adalah untuk menjayakan hasrat murni untuk meringankan beban semua warga tentera, melalui tawaran diskaun dan harga produk yang pada hemat saya, amat berpatutan jika dibandingkan dengan pasaran di luar.

6. Syabas dan terima kasih saya ucapkan kepada semua pihak di atas keprihatinan ini. Sesungguhnya program sebegini mampu memberikan impak yang positif kepada warga tentera dalam menikmati penjimatan harga barang keperluan harian.
7. Sebelum saya mengakhiri ucapan, terima kasih sekali lagi saya ucapkan kepada rakan strategik dan juga penyumbang-penyumbang yang turut sama menyokong elemen **Íhsan**'dalam pendekatan dasar Madani, yang mana saya yakin mampu memberi manfaat kepada pembangunan insasi dan kebajikan manusawi sejagat.
8. Akhir kata, adalah menjadi harapan saya supaya program sebegini dapat memberi manfaat kepada semua dan boleh dianjurkan lagi pada masa akan datang.
9. Dengan lafaz Bismillahirrahmannirrahim, saya merasmikan **Program Jualan Rahmah Agro Madani Peringkat 1 Briged Tahun 2024**.

Sekian Saya Sudah Dengan,

وبالله التو فيق والحداية والسلام عليكم ورحمة الله وبركاته

Dan Salam Sejahtera . Terima kasih.